



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 21 TAHUN 2020

### ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

### PROSES KERJA LAPORAN PENUTUP PENGUSAHASILAN HUTAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL, TANAH KERAJAAN DAN TANAH BERI MILIK

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahан kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja bagi Penyediaan Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan (TK) dan Tanah Beri Milik (TM), tanah di bawah lesen pendudukan sementara (LPS), tanah lombong (TL) dan tanah rizab (TR) bagi sesuatu Lesen/Lesen Kecil/Lesen Pemindah supaya ianya mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan adalah bertujuan untuk penutupan Blok Tebangan atau pembatalan lesen Pengusaha Hasilan di dalam HSK, TK dan TM yang melibatkan hasil hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan (KKH).
- 2.2 Penyediaan Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan ini hendaklah dilaksanakan apabila menerima permohonan daripada PL untuk penutupan lesen, had pengeluaran kayu balak telah tercapai, kerja Pengusaha Hasilan hutan telah selesai dan tempoh sah lesen telah luput dan tiada permohonan daripada PL untuk memperbaharuiinya.

#### 3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahан kerja ini akan digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di mana ianya merangkumi proses kerja bagi penyediaan Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan yang dijalankan di dalam HSK, TK atau TM yang dilaksanakan oleh PL.

## **4.0 TANGGUNGJAWAB**

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti bagi penyediaan Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan yang dijalankan di dalam HSK, TK atau TM yang dilaksanakan oleh PL.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

## **5.0 KAEDEH PELAKSANAAN**

### **5.1 Punca Kuasa**

- 5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:
  - i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
  - ii. Minit Mesyuarat kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

### **5.2 Dasar dan Perundangan**

- 5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.
- 5.2.2 Undang-undang yang diguna pakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan (KKH).

5.3. Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap arahan kerja Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan ini adalah seperti berikut:

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.1	Mengarah PRH menyediakan LP seperti format <b>Lampiran 1</b> , apabila: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menerima permohonan daripada PL untuk penutupan lesen berdasarkan maklumat dalam Laporan Kemajuan Pengusaha Hasilan Hutan; atau</li> <li>(ii) had pengeluaran kayu bulat telah tercapai; atau</li> <li>(iii) kerja Pengusaha Hasilan hutan dan pengeluaran kayu telah selesai; atau</li> <li>(iv) tempoh sah lesen telah luput dan tiada permohonan daripada PL untuk memperbaharuiinya.</li> </ul>	PHD
5.3.2	Mendapatkan Penyata Kewangan sesuatu Lesen/Lesen Kecil/Lesen Pemindah daripada Bahagian/Unit Hasil JPN.	PHD
5.3.3	Menyedia dan mengemukakan Penyata Kewangan sepertimana format di <b>Lampiran 2</b> kepada PHD.	KPT/PT
5.3.4	Menyediakan Pasukan kerja semakan pemantauan kemajuan Pengusaha Hasilan hutan bagi bulan terakhir serta Penyediaan LP yang diketuai oleh pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.	PRH
5.3.5	Menjalankan semakan sempadan kawasan lesen dan menyediakan akuan pengesahan status sempadan dan pencerobohan luar kawasan lesen seperti format di <b>Lampiran 3</b> .	KP/PH
5.3.6	Menjalankan pemeriksaan dan merekod ke atas aspek-aspek Pengusaha Hasilan hutan bagi penyediaan LP dengan merekod maklumat mengenai perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Luas Kawasan Lesen yang telah diusaha hasilkan;</li> <li>(ii) Kayu Tertinggal (merekod dan mengecap Tanda Hasil pada permukaan kayu) seperti format di <b>Lampiran 4</b>;</li> </ul>	KP/PH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Infrastruktur seperti Jalan Tuju, Lorong Penarik, Matau Utama, Matau Sementara dan tapak Kongsi (HSK bagi PHSB sahaja);</li> <li>(iv) Keadaan Dirian Tinggal (HSK bagi PHSB sahaja);</li> <li>(v) Keadaan Pokok Ibu (HSK bagi PHSB sahaja);</li> <li>(vi) Keadaan Zon Penampang Alur Air;</li> <li>(vii) Keadaan sempadan; dan</li> <li>(viii) Pencerobohan luar Kawasan Lesen, (Jika berkaitan)</li> </ul>	
5.3.7	Mengemukakan laporan semakan sempadan kawasan lesen dan aspek-aspek Pengusaha Hasilan hutan kepada PRH.	KP/PH
5.3.8	<p>Mendapatkan maklumat dari BPH mengenai perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengeluaran kayu; dan</li> <li>(ii) Bayaran Royalti dan Ses yang perlu dikenakan bagi Kayu Tertinggal.</li> </ul>	PRH
5.3.9	Mengemukakan LP berserta Pelan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan seperti format di <b>Lampiran 5</b> kepada PHD.	PRH
5.3.10	Meneliti LP dan Pelan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan sama ada lengkap atau tidak.	PHD
5.3.11	Menyemak Penyata Kewangan (sama ada baki pendahuluan Royalti dan Ses Pembangunan Hutan di BPH mencukupi) untuk bayaran Royalti dan Ses Pembangunan Hutan bagi Kayu Tertinggal.	PHD
5.3.12	Menolak dari wang deposit lesen jika baki pendahuluan Royalti dan Ses Pembangunan Hutan tidak mencukupi untuk bayaran Royalti dan Ses Pembangunan Hutan bagi Kayu Tertinggal.	PHD
5.3.13	Mengarahkan PRH menyediakan Pas Pemindah (PP) dan Ringkasan PP bagi Kayu Tertinggal.	PHD
5.3.14	Mengemukakan Ringkasan PP, salinan asal PP dan salinan pendua (audit) PP bagi Kayu Tertinggal kepada PHD.	PRH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.15	Mengemukakan salinan asal PP bagi Kayu Tertinggal kepada PL dan memberi tempoh tujuh (7) hari untuk mengeluarkan kayu tersebut.	PHD
5.3.16	Mengemukakan LP berserta Pelan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan dan Ringkasan PP berserta salinan pendua (audit) PP bagi Kayu Tertinggal kepada PPN untuk keputusan pembatalan lesen.	PHD
5.3.17	Meneliti LP daripada PHD dan membuat keputusan pembatalan lesen.	PPN
5.3.18	Menangguhkan pembatalan lesen jika lesen tidak boleh dibatalkan atas sebab-sebab tertentu seperti Kesalahan Hutan yang belum selesai.	PPN
5.3.19	Memaklumkan pembatalan Lesen kepada PL dan memintanya menuntut baki deposit sekiranya masih ada.	PPN
5.3.20	Memaklumkan pembatalan lesen kepada PHD.	PPN
5.3.21	Mengecap tanda "BATAL" pada dokumen lesen dalam simpanan dan pada ruangan bagi Lesen berkenaan dalam Buku Daftar Lesen.	KPT/PT

- 5.4. Carta aliran bagi proses kerja Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan adalah seperti di **Lampiran 6**.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

## 7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) adalah seperti di **Lampiran 7**.

## **8.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dikeluarkan.

## **9.0 PEMBATALAN**

- 9.1 Tidak berkaitan.

## **10.0 RUJUKAN**

- 10.1 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].
- 10.2 Manual Perhutanan Jilid II.
- 10.3 Kaedah-Kaedah Hutan.
- 10.4 Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)  
Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

**LAMPIRAN 1****LAPORAN PENUTUP PENGUSAHASILAN HUTAN  
(HSK/TK/TM)****1.0 MAKLUMAT LESEN**

Bil	Perkara
1.	Nombor Lesen
2.	Nama Pemegang Lesen
3.	Nama Kontraktor
4.	Nama Kepala Hutan
5.	Kompartmen/No. Lot
6.	Luas (ha)
7.	HSK/TK/TM
8.	Renj/Daerah Hutan
9.	Tempoh Lesen

**2.0 STATUS PENGUSAHASILAN HUTAN**

2.1 Anggaran Peratus Kawasan yang Telah Diusahasarkan: ..... %

2.2 Pengeluaran Kayu Bulat:

Jenis	Tebangan Pokok		Pengeluaran Kayu Bulat			
	Jumlah Pokok	Bilangan Pokok/ha	Isipadu Bersih yang Telah Dikeluarkan (m <sup>3</sup> )	Isipadu Bersih Kayu Tertinggal (m <sup>3</sup> )	Jumlah Isipadu Bersih (m <sup>3</sup> )	Isipadu Bersih/ha (m <sup>3</sup> )
Kaum Damar						
Bukan Kaum Damar						
Chengal						
Lain-lain (nyatakan) .....						
Jumlah						

### 2.3 Pengeluaran Kayu Jaras

Batang*		
Bilangan Kayu	Bilangan Kayu Tertinggal	Jumlah

2.4 Pengiraan Royalti dan Ses Kayu Tertinggal adalah seperti di **Lampiran 3.**

### 3.0 STATUS INFRASTRUKTUR

Bil	Perkara	Kelulusan		Dibina		Catatan
		Bil	Jarak atau Luas	Bil	Jarak atau Luas	
1.	Jalan Tuju (m)					
2.	Lorong Penarik (m)					
3.	Matau Utama (ha)					
4.	Matau Sementara (ha)					
5.	Kongsi (ha)					

### 4.0 STATUS ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAAN HUTAN

Bil	Perkara	Status		Catatan
		Jelas/Ada	Tidak Jelas/Tiada	
1.	Cat tanda sempadan Zon penamparan alur air			
2.	Gangguan alur air (Sisa pembalakan)			
3.	Tanah runtuh			
4.	Kerosakan pokok ibu			
5.	Kerosakan pokok perlindungan			

## **5.0 STATUS SEMPADAN DAN PENCEROBOHAN LUAR KAWASAN LESEN**

Pengesahan status sempadan dan pencerobohan luar kawasan lesen adalah seperti di **Lampiran 4**.

## **6.0 PELAN PENUTUP PENGUSAHASILAN HUTAN**

Pelan Penutup Pengusahahsilan Hutan berskala 1:5000 yang menunjukkan kelarian jalan tuju dan lorong penarik serta kedudukan tapak kongsi, mata utama, matau sementara, kawasan sudah diusahasil, kawasan tidak diusahasil, kawasan curam, kawasan berbatu, kawasan tinggi dan kawasan paya adalah disertakan seperti di **Lampiran 5**.

## **7.0 PENEMUAN KP/PH**

<b>ULASAN</b>			
<b>TARIKH</b>	<b>TANDATANGAN</b>	<b>NAMA</b>	<b>COP JAWATAN</b>

Nota: Jika ruangan tidak mencukupi, sila gunakan lampiran tambahan (termasuk laporan bergambar seperti gambar di lapangan, imej FMRS dan imej pemantauan udara).

## **8.0 LAPORAN PRH**

<b>ULASAN</b>			
<b>TARIKH</b>	<b>TANDATANGAN</b>	<b>NAMA</b>	<b>COP JAWATAN</b>

## 9.0 LAPORAN PEGAWAI HUTAN DAERAH

### 9.1 Kesalahan Hutan

Bil.	Kesalahan Hutan		Kompaun (RM)	Gantirugi (RM)	Rujukan Fail PHN
	Tarikh Dikesan	Jenis			

### 9.2 Maklumat Kewangan

#### a. Akaun Akhir BPH

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Deposit	
2.	Baki Bayaran Pendahuluan Royalti & Ses (dari Para 13 :Penyata Kewangan-Lampiran 2)	
3.	Bayaran Royalti dan Ses yang perlu dikenakan bagi Kayu Tertinggal	
4.	Baki Akaun Akhir [(1) + (2)] – (3)	

#### b. Penyata Kewangan seperti di Lampiran 2.

## **10.0 ULASAN & SYOR PHD**

<b>ULASAN</b>			
<b>TARIKH</b>	<b>TANDATANGAN</b>	<b>NAMA</b>	<b>COP JAWATAN</b>

## **11.0 KEPUTUSAN PPN**

<b>ULASAN</b>			
<b>TARIKH</b>	<b>TANDATANGAN</b>	<b>NAMA</b>	<b>COP JAWATAN</b>

**Lampiran 3**

**SENARAI KAYU TERTINGGAL YANG DIKENAKAN  
ROYALTI DAN SES PEMBANGUNAN HUTAN**

**NO. LESEN:** .....

a. Kayu Balak

Bil.	Spesies	Ukuran		Isipadu (m <sup>3</sup> )	Royalti (RM)	Ses (RM)	Jumlah (RM)
		Panjang (m)	Diameter (cm)				
Jumlah							

b. Kayu Jaras

Batang (Bil.)	Royalti (RM)	Ses (RM)	Jumlah (RM)

**Lampiran 4**

**PENGESAHAN STATUS SEMPADAN DAN  
PENCEROBOHAN LUAR KAWASAN LESEN**

**NO. LESEN:** .....

Adalah saya ..... Pegawai Renj Hutan ..... dengan ini mengesahkan bahawa sempadan kawasan lesen ini masih dapat dikesan dengan jelas dan tiada apa-apa lencongan ke atas kelariannya.

Saya juga mengesahkan bahawa tidak berlaku apa-apa pencerobohan luar kawasan lesen ini selain daripada yang telah dilaporkan melalui surat saya bilangan ..... bertarikh .....

Saya telah membuat pemeriksaan sekeliling sempadan kawasan lesen ini pada ..... hingga ..... bersama-sama pegawai berikut:

Bil	Nama	Jawatan	Tandatangan

Tandatangan : .....

Nama Pegawai Renj Hutan : .....

Renj Hutan : .....



Tarikh : .....

## Lampiran 5

## PELAN PENUTUP PENGUSAHASILAN HUTAN

Daerah Hutan: \_\_\_\_\_ Hutan Simpan: \_\_\_\_\_ No. Kompartmen/Subkompartmen: \_\_\_\_\_

No. Lesen: \_\_\_\_\_ Luas: \_\_\_\_\_ ha



Stesen	Bearing (°)	Jarak (m)
Pike A	119	110
A ke B	65	227
B ke C	99	172
C ke D	84	240
D ke E	107	175
E ke F	173	255

Disediakan oleh	Disahkan oleh
Tandatangan	
Nama dan Jawatan	
Tarikh	

**PENYATA KEWANGAN**  
**NO. LESEN: .....**

Bil	Jenis Kutipan	Asal (RM)	Pembaharuan/ Sambungan (RM)	Jumlah (RM)
1.	Deposit			
2.	Premium			
3.	<i>Fee Pengukuran dan Penandaan Sempadan</i>			
4.	<i>Fee Lesen</i>			
5.	<i>Fee pendaftaran Tanda Pengelasan</i>			
6.	<i>Fee pendaftaran jentera</i>			
7.	<i>Fee Sublesen</i>			
8.	<i>Fee Permit Jalan</i>			
9.	<i>Fee Permit Penggunaan</i>			
10.	Bayaran Pendahuluan Royalti dan Ses			
11.	Royalti			
12.	Ses			
13.	Baki Bayaran Pendahuluan Royalti dan Ses			
14.	Bayaran-bayaran lain (nyatakan)			


Tandatangan : .....

Nama Akauntan/  
Pen. Akauntan JPN : .....


Cop Jawatan : .....

Tarikh : .....

## Proses kerja Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan



## Proses kerja Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan



## TERMINOLOGI

Balai Pemeriksaan Hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempat di mana semua hasil hutan dibawa untuk diukur, ditimbang atau dikira untuk ditaksir royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj hutan yang lain.</li> </ul>
Dirian Tinggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pokok-pokok dan anak-anak pokok yang masih tinggal di dalam kawasan lesen selepas Pengusaha Hasilan hutan selesai dijalankan.</li> </ul>
Hasil Hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Hasil Hutan termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Apabila dijumpai di dalam atau di bawah keluar dari Hutan Simpanan Kekal (HSK): <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan.</li> </ul> </li> <li>(ii) Apabila di jumpai di dalam atau di bawah keluar dari HSK atau tanah kerajaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) pokok-pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;</li> <li>(b) tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, tumbuhan menjalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian; dan</li> <li>(c) sутera, kokun, madu/lilin dan sarang burung boleh makan.</li> </ul> </li> <li>(iii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawah keluar dari HSK, tanah kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah berimilik: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap.</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>
Hutan Simpanan Kekal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Pada kebiasaannya, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.</li> </ul>
Hasil Utama Hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bagi maksud arahan kerja ini, Hasil Utama Hutan ialah kayu bulat sahaja.</li> </ul>
Jalan Tuju	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan sementara satu (1) lorong dalam kawasan Pengusaha Hasilan hutan yang menghubungkan kawasan matalau sementara dengan Jalan Sekunder atau Jalan Utama dan digunakan terutamanya oleh lori berwin (<i>San Tai Wong</i>).</li> </ul>
Kawasan Lesen	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Arahan kerja ini ialah kawasan yang dilulus dan dilesenkan seperti Lesen, Lesen Kecil dan Lesen Pemindah.</li> </ul>
Kayu Tertinggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kayu balak berukuran tidak kurang daripada 2 meter panjang yang tidak dibawa keluar dari kawasan lesen dan matalau setelah Pengusaha Hasilan hutan tamat yang boleh dikenakan royalti dan ses pembangunan hutan.</li> </ul>

Kesalahan Hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Apa-apa perlanggaran atau kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan tertentu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Kaedah-Kaedah Hutan atau syarat-syarat lesen/lesen kecil/lesen pemindah yang berkaitan dengan aktiviti pengusahasilan hutan.</li> </ul>
Kongsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bangunan sementara untuk penginapan pekerja-pekerja Pengusaha Hasilan hutan termasuk bengkel dan setor.</li> </ul>
Laporan Penutup Pengusaha Hasilan Hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan lengkap mengenai aktiviti-aktiviti Pengusaha Hasilan hutan dan pengeluaran kayu balak bagi sesuatu blok tebangan atau kawasan lesen yang telah selesai diusahasilkan untuk tujuan penutupan blok tebangan atau pembatalan lesen.</li> </ul>
Lesen	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 19, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk membenarkan pengambilan Hasil Hutan.</li> </ul>
Lesen Kecil	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 28, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk membenarkan pengambilan Hasil Kecil Hutan.</li> </ul>
Lesen Pemindah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 41, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk memindahkan Hasil Hutan dari mana-mana TM, LPS, TL dan TR.</li> </ul>
Lorong Penarik	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lorong sementara yang dibina dengan gangguan tanah yang minimum bagi tujuan menarik kayu balak dari kawasan tebangan ke matau sementara.</li> </ul>
Matau	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempat penyimpanan dan pemunggahan kayu balak dari Kawasan Lesen.</li> </ul>
Pas Pemindah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Suatu dokumen bagi memindahkan hasil hutan yang dikeluarkan di bawah seksyen 70, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] oleh seorang Pegawai Hutan yang diberi kuasa oleh PPN.</li> </ul>
Pemegang Lesen	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Seseorang yang dikeluarkan kepadanya Lesen/Lesen Kecil/Lesen Pemindah.</li> </ul>
Royalti	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejumlah wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri ke atas hasil hutan yang diambil yang mana jumlahnya ditaksir berdasarkan kuantiti dan jenis hasil hutan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Hutan.</li> </ul>

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| Ses Pembangunan Hutan | - Sejumlah wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri ke atas Hasil Utama Hutan yang diambil yang mana jumlahnya ditaksir berdasarkan kuantiti dan jenis Hasil Utama Hutan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] bagi membiayai aktiviti-aktiviti pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan. |
| Tanda Hasil           | - Tanda yang dicap pada permukaan kayu balak dengan menggunakan Tukul Tanda Hasil yang menandakan bayaran Royalti dan Ses Pembangunan Hutan telah dijelaskan.   |
| Tukul Tanda Hasil     | - Tukul besi yang mempunyai Tanda Hasil yang digunakan untuk mengecap pada permukaan kayu balak yang menandakan bayaran Royalti dan Ses Pembangunan Hutan telah dijelaskan.   |

## **SINGKATAN**

APN	-	Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
BPH	-	Balai Pemeriksaan Hutan
HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
KP	-	Ketua Pasukan
LP	-	Laporan Penutup Pengusahaan Hutan
LPS	-	Lesen Pendudukan Sementara
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PHSB	-	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
PL	-	Pemegang Lesen
PP	-	Pas Pemindah
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PT	-	Pembantu Tadbir
PTK	-	Pembantu Tadbir Kanan
PH	-	Pengawas Hutan
TK	-	Tanah Kerajaan
TL	-	Tanah Lombong
TM	-	Tanah Beri Milik
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri
TR	-	Tanah Rizab